

15 APR 2002

MCA-Pemilihan/I

PEMILIHAN PERINGKAT BAHAGIAN MCA TETAP DIADAKAN MENGIKUT JADUAL, KATA TING

KUALA LUMPUR, 15 April (Bernama) -- Pemilihan peringkat bahagian MCA akan diadakan seperti yang telah dijadualkan walaupun Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengarahkan para pemimpinnya supaya berhenti daripada membuat sebarang kenyataan mengenai krisis yang melanda parti itu.

Setiausaha Agung MCA, Datuk Seri Dr Ting Chew Peh berkata soal parti adalah satu perkara lain yang tidak mempunyai kaitan dengan arahan menutup mulut itu dan pemilihan parti akan diadakan seperti yang dijadualkan iaitu pada 27 dan 28 April.

"Bagi saya, saya menjalankan tugas sebagai setiausaha agung dan (ia) selaras dengan tugas saya," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat jawatankuasa pemandu pemilihan parti itu di Wisma MCA di sini hari ini.

Ting berkata demikian sebagai menjawab soalan pemberita sama ada pemilihan peringkat bahagian MCA akan diadakan seperti yang dijadualkan berikutan arahan perdana menteri supaya semua anggota MCA tidak membuat sebarang kenyataan mengenai isu kepimpinan dalam parti itu.

Pemilihan peringkat cawangan parti itu telah selesai diadakan pada 30 dan 31 Mac kecuali Pahang yang mengadakannya pada 6 dan 7 April. Pencalonan bagi pemilihan di peringkat bahagian akan diadakan pada 22 April.

Mengenai mesyuarat jawatankuasa pemandu hari ini, Ting berkata jawatankuasa itu memutuskan agar dua cawangan MCA di Pahang mengadakan semula pemilihan kerana terdapat beberapa kejanggalan.

Cawangan terbabit ialah Bandar Baru Temerloh dalam Bahagian Temerloh dan Sungai Lui Baru dalam Bahagian Raub kerana terdapat pertikaian mengenai penerimaan kertas pencalonan, katanya.

Ting berkata jawatankuasa itu juga telah meminta jawatankuasa pengawasan pemilihan supaya menyiasat aduan kononnya beberapa bahagian tidak menghantar notis mesyuarat agung masing-masing.

"Kami meminta negeri berkenaan supaya menyiasat perkara ini dan jika benar, kami akan minta mereka mengambil alih perjalanan mesyuarat agung tahunan bahagian berkenaan," katanya.

--BERNAMA

AT RV SP MAI